

Kemelut Dr. M - Abdullah diharap segera berakhir

KUCHING 15 Ogos - Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin berharap kemelut antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan segera berakhir.

" Beliau berkata, harapan yang serupa pastinya diinginkan oleh semua pihak termasuk rakyat agar pergolakan kerajaan sekarang dengan bekas Perdana Menteri itu diselesaikan segera.

"Saya berdoa agar kita bersama-sama menyelesaikan semua ini (kemelut Mahathir dan Perdana Menteri) dengan segera," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan Exco-Exco luar bandar, di sini hari ini.

Ditanya kemungkinan kemelut Perdana Menteri dan Tun Dr. Mahathir akan menggugat keyakinan rakyat terhadap kerajaan, Abdul Aziz yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkata, beliau percaya keyakinan rakyat tidak goyah.

Sebaliknya, kata beliau, rakyat tetap menaruh keyakinan yang tinggi terhadap kepimpinan kerajaan sekarang khususnya Perdana Menteri.

"Jika rakyat tidak yakin, pasti akan berlaku penentangan. Apa yang pasti rakyat masih tetap bertenang dengan kemelut sekarang," katanya.

Tambah Abdul Aziz, pergolakan yang berlaku juga tidak menyebabkan perpecahan dalam UMNO.

"Saya yakin tidak apa yang akan menggugat kestabilan dan perpaduan UMNO, semuanya akan selamat," katanya.